



KENYATAAN RASMI

PEMAKLUMAN TARIKH KEMASUKAN PELAJAR SENIOR KE KAMPUS

Merujuk Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang bertarikh 31 Januari 2021, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah membenarkan **pelajar berkeperluan** kembali ke kampus mulai **1 Mac 2021** bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di kampus secara dalam talian-PdPDT (*online*).

Politeknik Balik Pulau (PBU) prihatin dan menyedari kepentingan dalam memastikan keperluan program pengajian berjalan dengan sempurna walaupun berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19. Oleh yang demikian semua pelajar senior dikehendaki melapor diri secara dalam talian (*online*) bermula **1 hingga 7 Mac 2021** melalui <http://spmp.pbu.edu.my>.

Sehubungan dengan itu, semua pelajar yang akan pulang ke kampus diwajibkan menjalani isolasi (pengasingan) di kamsis selama **sepuluh (10) hari** dan pelajar diwajibkan juga untuk mengisi dan mencetak **Borang Pengisytiharan Kesihatan Politeknik Balik Pulau (PBU)** di <http://bit.ly/PBUHealthDeclaration> pada **3 Mac 2021**. Borang tersebut perlu diserahkan semasa hari pendaftaran kelak. Manakala bagi pelajar yang telah mendapat kebenaran pulang ke kampus, surat panggilan lapor diri boleh dimuat turun melalui <https://heppbu.com/suratlapordiri/> untuk dilampirkan bersama Permit Pergerakan Perintah Kawalan Pergerakan.

Sepanjang tempoh isolasi tersebut, pelajar sama sekali **DILARANG** untuk keluar dan masuk dari kawasan kampus. Pelajar adalah dinasihatkan untuk membawa barang keperluan sendiri secukupnya sepanjang berada di kampus. Kafeteria dan koperasi akan dibuka dan penjualan makanan adalah secara bungkus sahaja.

Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
POLITEKNIK BALIK PULAU
5 FEBRUARI 2021**

TARIKH KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS POLITEKNIK BALIK PULAU SESI DISEMBER 2020

	Semester 2		Semester 3		Semester 4		Semester 5	Semester 6	Semester 7
	PdPDT	KPK	PdPDT	KPK	PdPDT	KPK	KPK	KPK	KPK
Lapor Diri Kamsis	-	6 Mac 2021	-	6 Mac 2021	-	6 Mac 2021	7 Mac 2021		
Lapor Diri SPMP	1-7 Mac 2021								
Tempoh Isolasi (10 hari)	-	6-15 Mac 2021	-	6-15 Mac 2021	-	6-15 Mac 2021	7-16 Mac 2021		
Tarikh Mula Kuliah	8 Mac 2021								

JADUAL PEMBAYARAN YURAN SESI DISEMBER 2020

	Semester 2		Semester 3		Semester 4		Semester 5	Semester 6	Semester 7
	PdPDT	KPK	PdPDT	KPK	PdPDT	KPK	KPK	KPK	KPK
Yuran Pengajian	RM 200								
Yuran Kamsis*	-	RM 360	-	RM 360	-	RM 360	RM 360	RM 360	RM 360
Bayaran Pelbagai	-	-	RM 50	RM 50	-	-	RM 50	-	RM 50

* Nota

- PdPDT – Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian
 KPK – Kebenaran Pulang ke Kampus
 Yuran Kamsis – Perlu dijelaskan sekiranya mendapat kelulusan menetap di kamsis pada sesi Disember 2020.